



**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS (KUIPs)**

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN TIMBALAN REKTOR  
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)**

Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) merupakan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta milik penuh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) melalui anak syarikatnya KUIPs Sdn. Bhd. (1032988-M) ingin mempelawa calon dalam kalangan staf akademik dari Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) / Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) untuk mengisi kekosongan **Jawatan Timbalan Rektor (Akademik & Antarabangsa)**. Maklumat jawatan tersebut adalah seperti berikut:

1. **Jawatan** : Timbalan Rektor (setara Gred DK 53)
2. **Gred** : Gred Setara DK53
3. **Tangga Gaji** : RM5,922.00 – RM11,955.00
4. **Elaun** :
  - Elaun Perumahan : RM900.00 sebulan
  - Elaun Jawatan Utama : RM800.00 sebulan
  - Elaun Sara Hidup : RM250.00 sebulan
  - Elaun Tetap Keraian : RM800.00 sebulan
5. **Taraf Lantikan** : Tukar Sementara/Peminjaman/Kontrak
6. **Tempoh Lantikan** : Dua (2) tahun (**tertakluk kepada keputusan keputusan Pihak Berkuasa Melantik**)
7. **Kelayakan Akademik**: Sekurang-kurangnya dengan kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) atau setaraf yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
8. **Pengalaman** : Mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pengurusan **dan pentadbiran Institusi Pendidikan Tinggi sekurang-kurangnya lapan (8) tahun.**
9. **Kriteria Umum** : Kriteria umum menggunakan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor IPTA seperti berikut:

**9.1 Kecemerlangan Akademik**

Penyandang mestilah mempunyai kelayakan Ph.D, mendapat 'command of respect' dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.



## IKLAN JAWATAN KOSONG JAWATAN TIMBALAN REKTOR

### 9.2 Pengiktirafan Antarabangsa

Penyandang mestilah diiktiraf oleh 'peers' antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

### 9.3 Kebolehan Memimpin dan Mengurus

Penyandang mestilah mempunyai 'people skills' yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan 'interpersonal' yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pemimpin akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

### 9.4 Reputasi

Menjadi "role model" kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan "proven track record" serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

### 9.5 Personaliti

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, "team player" serta mempunyai motivasi dalaman untuk mercu kecemerlangan Kolej Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

9.6 Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai berdasarkan bidang tujuhan (*niche area*) Kolej Universiti.

10. **Kriteria Khusus** : Kriteria khusus jawatan Timbalan Rektor menggunakan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor IPTA adalah seperti berikut:

**10.1 Mempunyai PhD dan kelayakan profesional:** Ini kerana penjawat bertanggungjawab menguruskan Jawatankuasa Pilih Kenaikan Pangkat Guru (Profesor Madya kebawah) dan perlu mempamerkan kewibawaan khususnya kelayakan akademik tertinggi PhD bagi universiti yang berfokus seperti kejuruteraan, *Malaysian Technical Universities Networking (MTUN)*, kelayakan profesional perlu diberi merit yang utama memandangkan proses akreditasi adalah salah satu bidang tugas seorang Timbalan Rektor (Akademik & Antarabangsa).



## IKLAN JAWATAN KOSONG JAWATAN TIMBALAN REKTOR

- 10.2 Berpengalaman dalam pembentukan kurikulum (*Curriculum Design*):** Ini merupakan tugas hakiki Timbalan Rektor (A&A). Penyandang bertanggungjawab dalam agenda kritikal Pengajaran dan Pembelajaran dan mestilah mahir mengendalikan kurikulum yang seimbang dan bersepadu. Penyandang juga merupakan sekretariat dan pihak berwajib kepada Senat yang diberi kuasa yang lebih dalam rekabentuk kurikulum universiti.
- 10.3 Pengajaran dan Pembelajaran:** Timbalan Rektor (A&A) juga adalah seorang yang wajib dihormati dan mempamerkan kewibawaan dalam inovasi pengajaran dan pembelajaran (*Teaching & Learning*). Penyandang perlu mempunyai aspek-aspek berikut iaitu Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (SCL), Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL), Pendekatan Berasaskan Projek Berorientasikan Masalah (POPBL), Pembelajaran Sepanjang hayat (LL), Penaksiran dan "*Outcome Based Education*" (OBE).
- 10.4 Kecemerlangan Penyelidikan dan Penerbitan:** Penyandang mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam hasil penyelidikan dan penerbitan. Ini adalah sebagai Pengurusan Jawatankuasa Pemilih Guru, penyandang bertanggungjawab menentukan tanda aras calon Profesor Madya dan kebawah. Oleh itu, penyandang hendaklah cemerlang dalam pendidikan, telah menerbitkan artikel dalam jurnal berwasit, berimpak tinggi serta mendapat pengiktirafan antarabangsa.
- 10.5 Pengalaman sebagai penyelia yang berjaya:** Penyandang juga perlu mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan pasca-siswazah (Sarjana & PhD) dengan jayanya. Ini kerana Timbalan Rektor (A&A) bertanggungjawab dalam menguruskan Jawatankuasa Senat bagi Pengajian siswazah dan menjadi penimbang tara bagi isu-isu akademik pengajian siswazah.
- 10.6 Hal Ehwal Antarabangsa:** Penyandang akan ditugaskan untuk mempromosikan program akademik dan mobiliti pelajar di peringkat antarabangsa. Oleh itu, pengalaman dan kebolehlihatan di peringkat antarabangsa perlu dimiliki oleh penyandang. Calon harus mempunyai hubungan yang luas dan reputasi yang baik di peringkat serantau dan antarabangsa.



## IKLAN JAWATAN KOSONG JAWATAN TIMBALAN REKTOR

11. **Cara memohon** : Calon yang berminat mengisi jawatan tersebut perlulah menggunakan **Borang BPSM (Pentadbiran)-Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)** yang boleh dimuatnaik dengan melayari laman sesawang Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) di <http://www.kuips.edu.my> dan **mengemukakan Surat Permohonan berserta gambar ukuran passport terkini dan 'Curriculum Vitae' (CV)** yang mengandungi maklumat berikut:
- 11.1 Latar belakang peribadi termasuk (No. Kad Pengenalan), keluarga, alamat surat menyurat, nombor telefon dan alamat e-mel untuk dihubungi;
  - 11.2 Latar belakang pendidikan dan pengalaman kerjaya;
  - 11.3 Anugerah dan hadiah yang berprestij yang diterima di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa;
  - 11.4 Sumbangan-sumbangan besar dan bermakna kepada pembangunan Kolej Universiti dan Pendidikan Tinggi Negara;
  - 11.5 *Key Performance Indicators* (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Timbalan Rektor (Akademik & Antarabangsa)
  - 11.6 Sekurang-kurangnya dua (2) nama penyokong sebagai rujukan (*referee*) bagi permohonan ini.

12. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.

13. Sebarang pertanyaan, sila hubungi

Puan Rohana binti Zainol  
Pendaftar  
Jabatan Pendaftar  
Kolej Universiti Islam Perlis (1032988-M)  
Lot 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26 & 27  
Taman Seberang Jaya Fasa 3  
02000 Seberang Ramai Kuala Perlis  
No. Tel.: 011-2064 2940  
Emel: [pendaftar@kuips.edu.my](mailto:pendaftar@kuips.edu.my)

14. Permohonan yang **LENGKAP** hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**PENDAFTAR  
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS (KUIPS)  
LOT 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26 & 27  
TAMAN SEBERANG JAYA FASA 3  
02000 SEBERANG RAMAI KUALA PERLIS  
NO. TELEFON: 04-9851867/04-9851150**

15. Tarikh tutup permohonan ialah pada: **25 Januari 2022 (Selasa)**

